HARIAN METRO – 30 DECEMBER 2014

NHF FOCUSES ON EXPORT MARKET

NHF tumpu pasaran eksport

Kuala Lumpur: New Hoong Fatt Holdings (NHF), peneraju pengeluar alat ganti automotif akan menumpukan pasaran eksport tahun depan sebagai strategi meningkatkan pendapatan kumpulan.

Pengarah Urusannya, Chin Jit Sin berkata, NHF kini mengeksport ke lebih 50 negara di seluruh dunia termasuk Thailand, Arab Saudi, Mesir, Dubai dan Mexico yang juga pasaran utamanya pada tahun 2014.

"Dengan kedudukan sedia ada di beberapa benua, NHF percaya ASEAN, China, Amerika Latin dan Timur Tengah akan menjadi pasaran utama pada tahun akan datang.

"Pasaran eksport NHF kini menyumbang 42 peratus daripada jumlah pendapatan. Kami sentiasa mencari pasaran dan peluang baru untuk memasarkan produk NHF termasuk penyertaan dalam ekspo dengan yang terbaru adalah Automechanika Shanghai 2014," katanya.

Menurutnya, penyertaan bagi tahun kelima berturut-turut, NHF meluaskan ruang pameran pada tahun ini untuk menampung peningkatan produk pameran, termasuk produk logam seperti bumbung, pintu, but belakang, bonet, lampu, bumper dan gril daripada bahagian plastik.

Automechanika Shanghai 2014 diadakan pada 9 hingga 12 Disember 2014, menarik lebih 89,000 pelawat daripada 143 negara.

Chin berkata, melalui pembabitan dalam ekspo berkenaan, pihaknya berjaya menjalin kerjasama perniagaan daripada 47 negara.

"Automechanika Shanghai dan ekspo lain menjadi platform yang baik untuk mengembangkan asas pasaran kami dan juga bertemu dengan pelanggan sedia ada serta pembeli berpotensi.

"Malah, pada awal tahun ini, NHF mengambil bahagian dalam Pameran Alat dan Aksesori Auto Antarabangsa Taipei serta Automechanika Dubai yang turut membantu melonjakkan jualan kami," katanya.

Selain pasaran eksport dan kilang pengeluaran di Malaysia, NHF juga membangunkan bahagian perdagangannya di Jakarta, Indonesia dan Shanghai, China.

Sejak tiga tahun lalu, NHF melabur RM25.1 juta dalam membangunkan kedua-dua bahagian berkenaan dan berharap dengan pembangunan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dapat mening-katkan peluang serta memudahkan proses-menjalankan perniagaan.